



Anwar bersama Ewon dan Syed Hussian pada Majlis Perasmian Karnival Sahabat Usahawan MADANI Amanah Ikhtiar Malaysia Wilayah Timur di Kuala Nerus, semalam. (Foto Ghazali Kori/BH)

# Program lebih besar dirangka dalam Belanjawan MADANI kedua

Kerajaan tumpu bantu rakyat tangani beban kos sara hidup

Oleh Zatul Iffah Zolkipli  
zatuliffah@bh.com.my

**Kuala Nerus:** Kerajaan sedang merangka program lebih besar dalam Belanjawan MADANI kedua yang akan dibentangkan Oktober depan, dalam usaha membantu rakyat menangani bebanan kos sara hidup.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata program yang dilaksanakan itu menumpukan kepada soal kemiskinan, kebajikan dan pendidikan yang menjadi fokus utama beliau sebaik memimpin Kerajaan Perpaduan.



Beliau turut berharap Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) memainkan peranan dalam membantu kerajaan.

"Balik pada soal kemiskinan, mengapa dalam masa dua tiga bulan, lapan bulan kita jadi kerajaan, kita tumpu betul-betul masalah ini.

"Sebab itu, saya katakan komitmen ini jelas dalam Belanjawan MADANI kedua (yang akan dibentangkan) Oktober, kita sedang merangka sesuatu yang lebih baik.

"Yang diperlukan daripada pengurusan dan juga sahabat semua ialah kesungguhan. Kalau kita ada tekad ini kita rasa apa, apa tekad kita (yang) akhirnya

diri, keluarga dan sahabat Kira (keluar) daripada kemiskinan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Perasmian Karnival Sahabat Usahawan MADANI Amanah Ikhtiar Malaysia Wilayah Timur di The Payang Scout Hotel, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick dan Pengerusi Lembaga Pengarah AIM, Datuk Seri Dr Syed Hussian Syed Junid.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia adalah sebuah negara yang kaya yang mempunyai pelbagai sumber alam seperti balak, minyak dan gas.

Bagaimanapun, katanya, belum ada pemimpin yang bertanggungjawab untuk membantu rakyat keluar daripada kemiskinan.

"Malaysia ini negara yang kaya yang dulu ada balak

berpuluh bilion ringgit, bijih timah, minyak dan gas tetapi belum tentu ada pemimpin yang penuh bertanggungjawab," katanya.

## Idea, misi jelas

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, ketika berucap pada program Program Kesejahteraan Komuniti FELDA MADANI di FELDA Tenang di Besut berkata Kerajaan Perpaduan mempunyai idea, misi dan visi yang jelas untuk terus mengembangkan potensi ekonomi di Terengganu.

Beliau berkata, ia bagi mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan kepada generasi muda di negeri itu bagi menjana pendapatan seterusnya membentuk kehidupan yang harmoni dan sejahtera.

"Kita melihat Terengganu berpotensi tinggi menerima limpahan besar daripada industri penyahkarbonan yang sedang

dirintis oleh Kerajaan Perpaduan ketika ini dan kita mahu menjadikan negara sebagai peneraju ekonomi hijau di rantau ini kerana ia pelaburan paling besar dunia sejak 2021.

"Kita juga jelas potensi besar ini untuk dilaksanakan di Terengganu dengan menukar industri minyak dan gas di Kerteh menjadi industri hijau menggunakan telaga minyak sedia ada yang telah kosong," katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata telaga minyak kosong susulan kehabisan sumber petroleum di perairan Terengganu boleh dijadikan pusat penyimpanan bahan mentah industri teknologi hijau.

Beliau juga berkata, Kerajaan Perpaduan komited untuk membantu Terengganu memulihkan kelembapan ekonomi, penutupan perniagaan kecil sederhana, ketiadaan peluang pekerjaan baharu, pengurusan air lewa dan pengurusan bencana yang lemah.